

Amerika tidak akan serang Korea Utara

UM 17.2.2005

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Amerika Syarikat (AS) tidak akan menyerang Korea Utara yang mengaku memiliki senjata nuklear kerana negara komunis itu bukan sebuah negara Islam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, AS mengambil sikap berhati-hati dalam menangani isu nuklear negara itu walaupun Pyongyang telah mengisytiharkan secara terbuka bahawa negara itu memiliki senjata pemusnah.

Kata beliau, AS terpaksa berjaga-jaga kerana bimbang dengan kepayaan senjata nuklear milik Korea Utara.

"Korea Utara, agendanya berbeza. Terdapat

elemen kebencian terhadap umat Islam, bukan sahaja kerana senjata yang mampu memusnahkan secara besar-besaran.

"Ada elemen keaga-

maan dalam hal ini (AS tidak menyerang Korea Utara). Jika ia membuktikan bukan Islam, Amerika tidak akan menyerang," katanya kepada pemberita di sini semalam apabila ditanya mengenai isu nuklear Korea Utara.

Rejim komunis itu baru-baru ini mengumumkan mereka telah membina senjata nuklear dan tidak akan kembali ke meja rundingan berhubung pembubaran program senjata pemusnahnya itu.

Pemerintah negara yang digelar paksi kejahatan oleh AS itu juga menegaskan bahawa mereka bertekad menarik diri daripada Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT).

AS dilihat begitu le-

mah dalam menangani isu nuklear Korea Utara sebaliknya terus mengancam mahu menyerang Iran kononnya negara Teluk itu membangunkan program senjata pemusnah besar-besaran seperti tuduhan ke atas Iraq sebelum ini.

Berhenti

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, AS tidak akan berhenti mengancam negara-negara Islam kerana negara kuasa besar itu sedar kelemahan umat Islam.

Jelas beliau, AS percaya boleh berbuat sesuka hati kerana negara-negara Islam berpecah belah.

"Selain itu ada negara Islam yang menyokong Amerika menentang negara Islam lain," ujarnya.

Katanya lagi, faktor kelemahan negara-negara Islam untuk bangkit menentang menjadi antara punca AS semakin berani.

Oleh itu, beliau menyeru supaya umat Islam kembali kepada ajaran agama sebenar yang fundamental.

Bagaimanapun beliau berasa ragu dengan hasrat menyatukan umat Islam sebaliknya negara-negara Islam sebaliknya akan terus bertelagah dan mensabotaj antara satu sama lain.

"Dunia Islam harus berbalik kepada Islam sebenar. Ajaran asas Islam bahawa semua orang Islam adalah bersaudara dan tidak harus membunuh saudara seagama," kata beliau.